

Malaysia Kehilangan Sebutir Bintang

PROFESOR DATO' DR ABDUL RAHMAN EMBONG

Presiden Persatuan Sains Sosial Malaysia

di Majlis Belasungkawa untuk

Ucapan Allahyarham Profesor Datuk Dr. Syed Hussein Alatas

Pada 16 April 2007

Bagi pihak Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM), ingin saya mengalu-alukan kehadiran saudara-saudari semua ke majlis belasungkawa untuk Allahyarham Profesor Datuk Dr Syed Hussein Alatas yang dianjurkan secara bersama oleh PSSM dan ATMA. Secara khusus ingin kami menyatakan hormat takzim dan selamat datang kepada seluruh ahli keluarga dan sahabat handai Allahyarham dari jauh dan dekat, atas kehadiran mereka di majlis ini. Penghargaan khusus kami ditujukan kepada Dr Syed Farid Alatas, anak sulung Allahyarham yang terbang khas dari Singapura untuk berada bersama-sama kita pada petang ini. Kami juga ingin menyatakan hormat takzim dan terima kasih yang mendalam kepada bala Allahyarham, Datin Zaharah Alatas, yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada penganjuran majlis ini. Beliau memohon maaf tidak dapat menyertai majlis ini secara peribadi dan mewakilkannya kepada anak-anak dan ahli keluarga lain kerana beliau masih berada dalam tempoh berkabung 100 hari. Adinda Allahyarham, Professor Dr. Syed Muhamad Naquib al-Atas juga tidak dapat berada bersama-sama kita kerana beliau berada di luar negara.

Tarikh 23 Januari 2007 bersamaan 4 Muharam 1428 Hijrah patut kita kenangi sebagai tarikh yang sedih bagi komuniti ilmuan sosial khususnya dan masyarakat dan negara Malaysia umumnya. Sebutir bintang di persada ilmu tanah air dan antarabangsa telah meninggalkan kita buat selama-lamanya. Pemergian Allahyarham Profesor Alatas pada usia 78 tahun adalah satu kerugian besar kepada keluarganya, kepada negara dan komuniti ilmuan Malaysia khususnya dan kepada dunia kesarjanaan sains sosial antarabangsa umumnya. Kami para komuniti ilmuan sains sosial dalam dan luar universiti di Malaysia amat terkejut dan berduka cita kerananya.

Seperti yang telah kami rakamkan dalam Penyataan Belasungkawa yang dikeluarkan atas nama Presiden PSSM pada tanggal 24 Januari, Profesor Alatas ialah seorang tokoh intelektual awam, sarjana dan pemikir ulung yang sukar ditandingi. Allahyarham ialah seorang sarjana dan pengarang besar yang prolifik dan berbobot yang pemikiran dan karyanya mempunyai kepentingan universal. Pemikiran beliau yang tajam dan mendalam meliputi banyak bidang, daripada pembangunan dan pemodenan, membawa kepada politik dan rasuah, persoalan Orientalisme, intelektual negara membangun, pemikiran masyarakat bekas tanah jajahan, serta persoalan umat Islam menangani pemodenan. Apabila berbicara tentang ilmu, beliau tidak ubah seperti sebuah ensiklopedia hidup yang mempunyai huraian atas pelbagai persoalan yang kita ajukan.

Kewibawaan beliau sebagai seorang ilmuan, intelektual awam dan pemikir tersohor memang terserlah dan diiktiraf sejak awal lagi. Anak Melayu pertama di Malaysia yang memperoleh ijazah PhD (yang diterimanya pada 1963), beliau adalah antara pengasas korpus ilmu sains sosial khususnya sosiologi di negara kita. Kewibawaan beliau sebagai sarjana, pemikir dan intelektual awam begitu terserlah baik dari zaman beliau berada di Amsterdam sebagai siswa, kemudian di Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai pegawai penyelidik, di Universiti Malaya pada 1960-an sebagai pensyarah dan ketua jurusan budaya di Jabatan Pengajian Melayu, sebagai Profesor dan Ketua Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Nasional Singapura mulai 1967 hingga 1988, sebagai Naib Canselor Universiti Malaya dari 1988 sehingga 1991, seterusnya semasa berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia selama kira-kira 10 tahun sejak 1995, di Pusat Pengajian Umum, di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, dan terakhirnya di ATMA, sehinggalah beliau bersara, dan seterusnya tiba di titik noktah di hujung perjalanananya.

Bacalah karya-karya beliau seperti *Modernization and Social Change in Southeast Asia*, *The Myth of the Lazy Native*, *Intellectuals in Developing Societies*, serta serentetan buku beliau mengenai korupsi. Kesemua karya ini adalah mutiara di lautan ilmu yang boleh dianggap sebagai klasik. *Magnum opus* beliau, *The Myth of the Lazy Native*, yang mendedahkan bagaimana kolonialisme Eropah telah mencipta mitos peribumi malas, telah menginspirasikan sarjana-sarjana besar lain di dunia seperti Edward Said yang menghasilkan karyanya sendiri mengkritik Orientalisme. Serangkaian karya Profesor Alatas mengenai persoalan rasuah di negara membangun amat relevan bagi negara kita yang sedang berusaha memerangi rasuah. Dengan bahasa kiasan yang tajam, beliau pernah menyatakan bahawa dalam usaha membanteras rasuah, kita perlu membangkitkan amarah rakyat kepadanya agar kita dapat menyeretkannya keluar daripada lorong-lorong gelap supaya tidak ada lagi tempat bagi perasuah menyorokkan diri.

Profesor Alatas mempunyai keistimewaan sebagai seorang intelektual, pemikir dan sarjana yang asli dan mandiri yang diiktiraf di dalam negeri dan di peringkat antarabangsa. Meminjam kata-kata Profesor Hans-Dieter Evers, seorang tokoh sosiologi terkemuka dari Jerman, “Melalui pelbagai karya dan kuliahnya [selama setengah abad lebih ini], boleh dikatakan Profesor Alatas telah mewujudkan satu aliran pemikiran sosiologi yang tersendiri di rantau ini.”

Bagi kami dalam PSSM, Profesor Alatas adalah mahaguru dan mercusuar intelektual yang sinarnya terus bergemerlapan menyinari kita semua sekalipun beliau sudah pergi. Kepada kami, beliau bukan sahaja milik Malaysia dan Nusantara, tetapi milik dunia yang ideanya sentiasa malar segar dan bernas. Meminjam kata-kata puisi sanjungan untuk Seniman Agung P. Ramlee oleh Sasterawan Negara, Dato’ A. Samad Said, “Dalam ketiadaan terasa kehadirannya”. Begitulah perasaan kami terhadap Allahyarham Profesor Alatas. Majlis belasungkawa yang kita semua adakan pada hari ini adalah tanda

“kehadiran dalam ketiadaan” dan merupakan antara usaha kita semua merakamkan penghormatan dan penghargaan atas segala jasa dan sumbangan beliau yang tidak ternilai itu. Kami dalam PSSM berharap dan percaya jasa-jasa beliau itu akan diberikan penghargaan sewajarnya.